

USUL TAFSIR AL-QURAN – SESI 1 – PENGENALAN 20 USUL TAFSIR AL-QURAN & USUL PERTAMA – TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN



<https://youtu.be/KookeqAVcas>

VIDEO – [Durasi 59m 42s] – Sesi 1 – Pengenalan (Usul Tafsir Quran) & Usul 1- Tafsir Quran Dengan al-Quran

USUL TAFSIR AL-QURAN – PENGENALAN 20 USUL TAFSIR AL-QURAN & USUL PERTAMA – TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:19](#) : Pengenalan Usul Tafsir Al-Quran
- 2- [15:08](#) : Ringkasan 20 Usul Tafsir Al-Quran
- 3- [42:04](#) : Maksud Tafsir Al-Quran Dengan Al-Quran Dan Antara Sebab Usul Ini Perlu Dipakai.
- 4- [49:10](#) : Al-Quran Kadang-kadang Menyebutkan Sesuatu Secara "Ijmal" (Umum), Dan Kadang-kadang Secara "Tafsil" (Terperinci)
- 5- [51:13](#) : Tidak Ada Pertentangan Dalam Al-Quran Sama Ada Antara Perkataan-perkataannya Atau Antara Ayat-ayatnya. Ayat-ayat Al-Quran Adalah Kalam Allah Yang Benar Dan Menguatkan Satu Sama Lain. Ia Juga Menjelaskan Satu Sama Lain.
- 6- [54:14](#) : Surah Ad-Dukhan Ayat 3 – Allah Menceritakan Bahawa Dia Menurunkan Al-Quran Pada Satu Malam Yang Diberkati.

NOTA KULIAH LENGKAP– MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA USUL TAFSIR – SESI 1 – Ringkasan Usul Tafsir al-Quran – Usul 1 hingga 6

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/nota-1-tafsir-al-quran-1-13-usul-1-6.pdf>]

NOTA RINGKAS

RINGKASAN 20 USUL TAFSIR AL-QURAN

(Yang Perlu dikuasai Untuk Memahami Al-Qur'an Dengan Betul Dan Selamat)

1. Tafsir Al-Qur'an dengan Al-Quran
2. Tafsir Al-Qur'an dengan Hadits-hadits Sahih
3. Tafsir Al-Qur'an Dengan Pendapat-Pendapat Sahabat
4. Tafsir Al-Qur'an Dengan Pendapat-Pendapat Tabi'in
5. Tafsir Al-Qur'an Berdasarkan Pendapat-Pendapat Yang Bersesuaian Dengan Qaedah-Qaedah Bahasa Arab
6. Tafsir Al-Qur'an Menggunakan Fikiran
7. Tafsir Al-Qur'an Berpandukan Ayat Sebelum Dan Selepas
8. Memahami Al-Qur'an Berdasarkan Tertib Turun Ayat
9. Memahami Al-Qur'an Berdasarkan Tertib Yang Ada
10. Mengetahui Struktur Makro (Topik Umum) Setiap Surah
11. Mengetahui Tajuk Perbincangan Khusus Setiap Surah
12. Mengetahui Struktur Mikro Dalam Setiap Ayat Al-Qur'an
13. Mengetahui Kata Kunci Di Dalam Setiap Surah
14. Mengetahui Kesenambungan Antara Dalil Dan Madlul Dalam Sumpah-Sumpah
15. Mengelak Diri Daripada Menta'wilkan Ayat-Ayat Mutasyabihat
16. Mengetahui Sebab Turun Ayat Dan Apa-Apa Yang Bersesuaian Dengannya
17. Mengetahui Ayat-Ayat Yang Menasakhkan Dan Ayat-Ayat Yang Dimansuhkan
18. Mengelak Diri Daripada Tafsir Golongan-Golongan Yang Sesat
19. Mengelak Diri Daripada Riwayat-Riwayat Israiliyat Dalam Penafsiran Al-Qur'an
20. Bercermat Dalam Tafsir Al-Qur'an Menggunakan Sains Moden

PERINCIAN

1. TAFSIR AL-QURAN DENGAN AL-QURAN

Usul pertama yang perlu dipakai dalam mentafsir al-Qur'an untuk mendapat kefahaman yang betul dan selamat ialah mentafsir al-Qur'an sendiri.

Antara sebab kenapa usul ini perlu dipakai ialah kerana:

- (a) Orang yang bercakap lebih mengetahui tentang apa yang dikehendakinya dengan percakapannya. Dialah yang orang paling patut diutamakan untuk anda mengetahui maksud percakapannya.
- (b) Al-Qur'an kadang-kadang menyebutkan sesuatu secara ijmāl. Kadang-kadang pula secara tafshil.
- (c) Tidak ada sebarang pertentangan di dalam al-Qur'an, sama ada antara perkataan-perkataannya atau antara ayat-ayatnya. Al-Quran ialah kalam Allah. Ia membenar dan menguatkan satu sama lain. Ia juga mentafsir, menghurai dan menjelaskan satu sama lain.

Ribuan contoh terdapat di dalam al-Qur'an. Sebagai panduan ambil saja dua daripadanya;

- (a) Di dalam ad-Dukhan ayat 3, Allah menceritakan bahawa Dia menurunkan al-Qur'an pada satu malam yang diberkati. Apakah malam itu? Ia ialah malam Qadar. (lihat ayat 1 Surah al-Qadr). Malam Qadr itu terletak dalam bulan apa pula? Jawabnya di bulan Ramadhan. (lihat ayat 185, Surah al-Baqarah).
- (b) Al-Qur'an beberapa kali menyebutkan manusia akan mendapat balasan dan ganjaran bagi segala usahanya. Kalau dia mahu dunia, dia akan mendapat dunia. Kalau dia mahu akhirat, dia juga akan mendapatnya. Orang-orang Islam diajar supaya meminta dunia dan akhirat, kedua-dua sekali. Sesiapa yang mencari dan meminta dunia sahaja, dia tidak akan mendapat apa-apa di akhirat nanti. Pada Allah ada dunia dan akhirat. Untuk mendapat apa-apa, sama ada di dunia atau akhirat, perlu ada usaha. Al-Qur'an menggunakan perkataan untuk usaha pencarian dunia dan akhirat. Perkataan 'al-Harts' baru dapat difahami dengan betul dan lengkap maksudnya apabila anda mengaitkannya juga dengan ayat 223 di dalam Surah al-Baqarah, ayat 134 di dalam Surah an-Nisaa' dan ayat 20 di dalam Surah as-Syura.